

Lebih 376,000 dapat kerja melalui 27 inisiatif

BH- 24/9/2021

m/k: 2

Hasrat kerajaan wujud 500,000 peluang pekerjaan tahun ini bakal dicapai

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, lebih 376,000 pencari kerja berjaya mendapat pekerjaan melalui 27 inisiatif yang dilaksanakan kerajaan setakat 10 September lalu.

Perdana Menteri berkata, perkara itu dimaklumkan kepada Majlis Pekerjaan Negara (NEC) yang bermesyuarat buat kali ketiga kelmarin.

Beliau yang juga Pengerusi

NEC berkata, kejayaan menempatkan pekerja itu melebihi sasaran yang ditetapkan untuk sembilan bulan pertama tahun ini, iaitu 354,276 peluang pekerjaan hingga 30 September.

“Ini menunjukkan hasrat kerajaan untuk mewujudkan 500,000 peluang pekerjaan untuk tahun ini bakal dicapai.

“Selain itu, kerajaan berjaya mewujudkan lebih 97,000 pekerjaan baharu melalui pelaburan dalam negara dengan 76 peratus daripadanya adalah kategori mahir dan separuh mahir.

“Jumlah itu adalah sebahagian daripada sasaran 160,000 pekerjaan baharu yang terhasil daripada komitmen pelaburan bagi 2021,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Perdana Menteri berkata, bagi memperkasa tenaga kerja Malaysia agar lebih berdaya tahan, berkemahiran tinggi dan tersohor pada peringkat antarabangsa, kerajaan akan melaksanakan

Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional (National Job Creation Strategic Plan - NJCSP) yang akan disokong oleh lima pasukan petugas khas di bawah NEC.

Penciptaan pekerjaan di Malaysia juga akan dipertingkatkan melalui enam teras utama iaitu:

- Meningkatkan kerjasama antara industri dan akademik.
- Memupuk bakat bagi memenuhi keperluan industri.
- Memperkasa usahawan tempatan untuk maju dalam ekonomi semasa.
- Memanfaatkan ‘ekonomi gig’ untuk pencarian peluang penjaan pendapatan.
- Memacu pertumbuhan sektor baharu dan moden.
- Mempercepat penerapan amalan tempat kerja moden.

Ismail Sabri berkata, enam teras berkenaan akan menjadi panduan bagi pelaksanaan enam *game changers* termasuk mengaplikasikan teknologi kecerda-

san buatan untuk tujuan pemaanan dan perancangan kerjaya di samping meningkatkan kebolehpasaran dan kualiti graduan lepasan TVET.

Antara cadangan NJCSP adalah pewujudan sebuah platform khusus bagi penyelarasan maklumat semua institusi TVET di Malaysia serta program dan peluang yang ditawarkan bagi memadankan mereka dengan institusi TVET yang sesuai untuk memudahkan pencarian kerjaya pada masa hadapan.

“Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia juga telah diberi tanggungjawab membangunkan platform digital sehenti bagi memastikan program latihan dan peningkatan kemahiran yang dijalankan pelbagai kementerian dan agensi dapat dilaksanakan dan dipantau secara berstruktur dan efektif.

“Mesyuarat juga bersetuju supaya kursus yang ditawarkan

“Selain itu, kerajaan berjaya wujudkan lebih 97,000 pekerjaan baharu melalui pelaburan dalam negara dengan 76 peratus daripadanya adalah kategori mahir dan separuh mahir”

Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri



adalah berdasarkan keperluan ekonomi semasa, demografi dan keperluan ekonomi setempat,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, bagi mereka yang kehilangan pekerjaan, kerajaan telah menyediakan bantuan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang boleh dituntut daripada PERKESO.

Bagi yang masih mencari pekerjaan pula, mereka boleh mendaftar di Portal MyFutureJobs di sesawang <https://www.myfuturejobs.gov.my/>.